


[BERNAMA.com](#)
[BERNAMA TV](#)
[BERNAMA Radio](#)
[BERNAMA Images](#)
[MyCheck](#)
[PRU15](#)
[BAJET 2023](#)
[COVID-19 & Vaksinasi](#)
[Carian](#) 
[Utama](#)
[Am](#)
[Jenayah & Mahkamah](#)
[Ekonomi](#)
[Sukan](#)
[Politik](#)

# Pembinaan Masjid An-Nur Bandar Tiram inspirasi daripada Masjid Sultan Abu Bakar



Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi (tengah) pada Majlis Pelancaran Tabung Pembinaan dan Pecah Tanah Masjid An-Nur Bandar Tiram, Johor Bahru, hari ini.



06/11/2022 03:59 PM

JOHOR BAHRU, 6 Nov (Bernama) -- Masjid An-Nur Bandar Tiram, di sini yang akan dibina pada Disember nanti melibatkan kos sebanyak RM12 juta, diinspirasikan daripada reka bentuk Masjid Sultan Abu Bakar, di sini.

Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata masjid yang akan dibina di atas tapak seluas 0.79 hektar itu dijangka siap sepenuhnya pada 2024 dan mampu memuatkan seramai 1,500 jemaah pada satu-satu masa.

Beliau berkata pembinaan dengan reka bentuk Masjid Sultan Abu Bakar itu diilhamkan dengan perkenan Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar.

"Saya difahamkan bahawa dari segi reka bentuk ialah ilham Sultan Johor, agar seni binanya seiras atau mungkin sama dengan Masjid Sultan Abu Bakar, sebab itu kos agak tinggi.

"Tetapi saya yakin ia beri manfaat kepada rakyat di Bandar Tiram, begitu bertuah masyarakat di kawasan ini. Saya juga ingin kongsi masjid ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa bantuan kerajaan Persekutuan iaitu RM5 juta daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)," katanya pada Majlis Pelancaran Tabung Pembinaan dan Pecah Tanah Masjid An-Nur Bandar Tiram, di sini hari ini.

Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp) Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor Mohd Fared Mohd Khalid dan Mufti Negeri Johor Datuk Yahya Ahmad.

Sementara itu, Syed Mohamed berkata JCorp menerusi Waqaf An-Nur Corporation Berhad (Waqaf An-Nur) diberi tanggungjawab untuk membina masjid itu dan Johor Land Berhad selaku ejen pembangunan harta tanah dan infrastruktur JCorp telah dilantik bagi menguruskan projek itu.

Beliau berkata pembinaan masjid berkenaan mendapat suntikan dan sumbangan daripada ICU, Jabatan Perdana Menteri, syarikat kumpulan JCorp seperti Kulim (Malaysia) Bhd, Johor Land Bhd, Waqaf An-Nur, dana yang dikumpul oleh Jawatankuasa Penduduk Bandar Tiram, orang ramai dan kariah setempat.

"Pembinaan masjid ini dilihat sebagai keperluan utama dan menjadi tanggungjawab fardu kifayah Waqaf An-Nur kepada masyarakat.

"Ia bagi menyediakan tempat sempurna menunaikan ibadah serta melaksanakan program sosial komuniti setempat secara tidak langsung membantu mengurangkan tanggungan kerajaan dari sudut kewangan dan tadbir urus masjid," kata Syed Mohamed yang juga Pengerusi Waqaf An-Nur.

-- BERNAMA